

25 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (BN)/I

PARTI KOMPONEN BN SOKONG PELAN PERALIHAN KUASA

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kesemua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) menyokong pelan peralihan kuasa yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata selepas 21 tahun memegang kuasa, Dr Mahathir mungkin merasa letih dan mahu memindahkan kuasa kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Namun, seluruh negara beruntung kerana beliau mendengar permintaan rakyat untuk mengubah jadual persaraannya," katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi di Menara Datuk Onn di sini hari ini.

Beliau berkata MCA akan terus memberi sokongan padu kepada Abdullah apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri tahun depan.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata selama 21 tahun, parti itu menyokong Dr Mahathir dan hari ini ia terpaksa berhadapan dengan realiti bahawa Perdana Menteri mahu menghabiskan masanya untuk diri sendiri dan keluarganya.

"Kami menghormati keputusan itu dan memberi sokongan kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kami yakini akan terus membangun negara," katanya.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata parti itu terkejut apabila Perdana Menteri mengumumkan hasrat beliau untuk melepaskan semula jawatan parti dan kerajaan pada perhimpunan agung Umno minggu lepas.

"Bagaimanapun, kami terhutang budi kerana beliau memutuskan untuk terus menerajui negara dalam tempoh peralihan, kami menghormati hasratnya dan sumbangan beliau kepada negara," katanya.

Lim berkata Gerakan menyokong penuh Abdullah yang dipilih oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya.

Sementara itu, Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata hasrat Perdana Menteri wajar dihormati memandangkan beliau sudah menghabiskan keseluruhan kehidupannya bekerja untuk rakyat dan negara.

"Saya berpendapat beliau berhak meluangkan masa untuk diri sendiri memandangkan beliau sudah berkhidmat sebagai PM selama 21 tahun dan berhasrat untuk berehat, oleh itu wajar kita membenarkannya untuk berehat," katanya.

Kayveas berkata pelan peralihan kuasa yang dicadangkan oleh Dr Mahathir baik memandangkan seorang pengganti sudah dilantik dan tarikh perubahan diberi.

"Saya memberi jaminan, PPP menyokong pelantikan Pak Lah (Abdullah) sebagai Perdana Menteri tahun depan," katanya.

Sementara itu, Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata rancangan persaraan Dr Mahathir adalah teratur dan cukup baik yang memastikan tradisi terus dikekalkan bagi menjamin kestabilan negara.

Abdul Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak berkata rakyat Sarawak menyokong penuh rancangan persaraan itu dan pelantikan Abdullah sebagai pengganti.

Presiden parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie berkata keputusan Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan sesuatu yang menyedihkan kerana perdana menteri telah banyak menyumbang untuk negara.

Bagaimanapun katanya PBDS menghormati keputusan Dr Mahathir dan menyokong penuh Abdullah sebagai penggantinya.

"PBDS akan patuh dengan apa yang baik untuk negara," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan berkata beliau sedih dengan rancangan Dr Mahathir untuk bersara tetapi percaya "beliau telah lama memikirkan tentang peletakan jawatan itu."

Katanya SUPP akan memberi sokongan penuh kepada Abdullah dan yakin Malaysia akan maju menerusi kepimpinannya.

Presiden SNAP Datuk Amar James Wong berkata beliau terkejut dengan keputusan Dr Mahathir untuk bersara.

Menurutnya beliau berhutang budi kepada Dr Mahathir kerana memimpin Malaysia selama 21 tahun dengan penuh kejayaan.

SNAP akan memberi sokongan penuh kepada penggantinya Abdullah bagi memastikan negara terus mencapai kemajuan yang lebih tinggi, katanya.

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Pairin Kitingan berkata beliau sedih dengan pengumuman persaraan Dr Mahathir tetapi dalam masa yang sama setiap orang perlu berhadapan dengan realiti bahawa satu hari setiap orang terpaksa bersara.

Katanya parti menghormati keputusan Dr Mahathir untuk bersara dan pelannya melantik Abdullah dan parti itu menyokong penuh Timbalan Perdana Menteri dengan jawatan barunya kelak.

"Kami menyatakan di sini bahawa kami akan melakukan yang terbaik untuk membantu memastikan bahawa negara akan terus berjaya menerusi kepimpinan baru pada masa depan. Saya perlu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana menerima semula kami (PBS) dalam keluarga Barisan Nasional supaya kami dapat menyumbang ke arah kejayaan negara," katanya.

Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata rakyat Malaysia pastinya menerima dengan berat hati keputusan Perdana Menteri untuk bersara dan pelan peralihannya wajar disokong semua orang.

"Parti saya tiada pilihan melainkan menerima pelan persaraan Dr Mahathir sebagai pengerusi BN dan sebagai Perdana Menteri negara ini dalam masa setahun.

"Parti saya juga menyokong pelan untuk menstabilkan negara supaya tidak berlaku sebarang yang tidak diingini semasa tempoh peralihan itu dan kami menyokong penuh pelantikan Timbalan Perdana Menteri sebagai pemangku dan akhirnya mengambilalih jawatan itu," katanya.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata sungguhpun parti itu berasa sedih dengan keputusan Dr Mahathir untuk bersara tetapi pada masa yang sama turut menghormati keputusan itu.

"Kita akan terus memberi sokongan sepenuhnya kepada proses peralihan kuasa termasuk sokongan sepenuhnya kepada pengganti Datuk Seri Abdullah," katanya.

Presiden Parti Liberal Demokratik Datuk Chong Kah Kiat menggesa rakyat Malaysia menghormati keputusan Dr Mahathir untuk bersara serta menamakan penggantinya.

Menurutnya Perdana Menteri menyatakan dengan jelas bahawa Abdullah adalah penggantinya dan seperti parti komponen BN yang lain, parti itu menyokong Abdullah.

Chong berkata ini penting untuk BN dan negara bagi memastikan peralihan kuasa berjalan lancar.

Presiden Parti Bersatu Rakyat (PBRs) Sabah Tan Sri Joseph Kurup pula berkata walaupun sedih dengan keputusan Dr Mahathir untuk bersara, parti itu menerima hakikat itu.

Beliau berkata Dr Mahathir telah membawa perubahan yang amat luar biasa kepada kemajuan Malaysia.

Katanya PBRs menghormati keputusan Perdana Menteri untuk meneruskan hasratnya meletak jawatan dan seterusnya menyokong Abdullah sebagai pengganti beliau.

-- BERNAMA

HS AZZ LAT